

24/10/1998

Satu Sabtu setiap bulan cuti

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan mencadangkan satu hari Sabtu setiap bulan dijadikan hari cuti bagi sektor awam mulai Januari tahun depan, selaras usaha membangunkan sektor pelancongan dalam negeri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagaimanapun berkata jumlah jam berkerja bagi hari berkenaan perlu diganti dengan bekerja lebih masa pada hari bekerja lain.

"Sektor swasta juga dialu-alukan untuk mengambil tindakan serupa," katanya yang juga Menteri Kewangan Pertama ketika membentangkan Belanjawan 1999, di Dewan Rakyat, hari ini.

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan mengeluarkan pekeliling yang melaksanakan cadangan itu yang akan membangunkan sektor pelancongan dalam negeri.

Dr Mahathir berkata, bagi membangunkan sektor pelancongan dalam negeri juga, kerajaan mencadangkan pendapatan syarikat pelancongan yang berpunca daripada pengendalian pakej pelancongan dalam negara membabitkan sekurang-kurangnya 1,200 pelancong tempatan setahun, dikecualikan cukai pendapatan.

Mengulas mengenai cadangan itu, Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan, berkata pihaknya berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan kakitangan awam tambahan satu hari untuk berehat dalam sebulan.

Menurutnya, walaupun jumlah jam bekerja bagi hari berkenaan perlu diganti pada hari lain, beliau yakin ia tidak begitu dirasakan atau membebankan kakitangan awam.

Bagaimanapun, katanya, Cuepacs akan bermesyuarat pada 1 November ini untuk mendengar pandangan daripada kesatuan gabungan lain terutama mengenai kaedah mengganti semula waktu kerja.

(END)